

# Pendigitalan khidmat awam

*ITARIAN METRO 14/10/2021*  
Penularan Covid-19 titik tolak pemerkasaan di bawah satu platform aplikasi pintar *MIS 18*

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
am@hmetro.com.my

## Putrajaya

Penularan wabak Covid-19 di negara ini dilihat sebagai titik tolak kepada 'kebangkitan' dan penguatkuasaan era pendigitalan dalam perkhidmatan awam di negara ini.

Ketua Pengarah Perkhid-

matan Awam, Tan Sri Mhd Khairul Adib Abd Rahman berkata, keupayaan perkhidmatan awam dilihat berdasarkan kepada bagaimana mereka berubah dengan persekitaran semasa.

"Kalau dahulu kita mempunyai pelbagai platform untuk menguruskan urusan pen-  
cuti, permohonan belajar, bayaran pinjaman dan

lain-lain lagi, saya menjangkakan kita mampu menyatukan semua perkhidmatan bawah satu platform dengan aplikasi pintar yang boleh diintegrasikan dengan aplikasi kerajaan yang lain.

"Justeru, melalui penyatuan ini, pelanggan akan berfokus kepada satu platform perkhidmatan yang memudahkan segala urusan dengan kerajaan (iaitu melalui perkhidmatan berpusat secara dalam talian)," katanya ketika menyampaikan Amanat KPPA 2021: Mendepani Cabaran Me-

langkau Ekspektasi, secara dalam talian di sini, semalam.

Amanat itu disiarkan secara langsung melalui Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam.

Mohd Khairul Adib berkata, sesebuah organisasi boleh berjaya jika ia dapat melihat dan membuat jang-

“  
Pelanggan akan berfokus kepada satu platform perkhidmatan  
Mhd Khairul Adib

PENDIGITALAN perkhidmatan awam memudahkan urusan pelanggan selari dengan persekitaran semasa



Pejabat sunyi dan sepi

**RUANG** pejabat yang sunyi, cuma kelihatan beberapa kakitangan pejabat bertugas ketika tinjauan di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) WP Labuan pada hari pertama Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi langkah pencegahan Covid-19.

n asan  
fuzzan  
masa.



kaan perubahan yang akan berlaku di masa hadapan.

Sebaliknya, beliau berkata, mana-mana organisasi yang tidak membuat perubahan dengan cepat akan ketinggalan dan gagal seperti yang berlaku kepada syarikat Kodak yang hampir gagal biarpun pernah menjadi sebuah syarikat fotografi ter-

kemuka, berikutan kegagalannya melihat perubahan dunia fotografi ke arah digital.

“Dalam konteks ini, perkhidmatan awam juga adalah sama. Kita perlu melihat dan memahami perubahan yang berlaku, yang memba-bitkan pelanggan utama kita,” katanya.